

SIARAN BERITA

MyCC MEMPENGERUSIKAN MEJA BULAT MODEL UNDANG-UNDANG PERSAINGAN DI UNCTAD

KUALA LUMPUR, 14 Julai 2015 – Ahli-ahli Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Prof Dato' Dr. Sothi Rachagan dan Dato' Dr. Zakaria Abdul Rashid merupakan sebahagian daripada delegasi dari Malaysia ke *7th Intergovernmental Group of Experts (IGE) Meeting and Review Conference of United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD)* yang berlangsung di Geneva dari 6-10 Julai 2015.

Prof Dato' Dr. Sothi Rachagan yang merupakan Ketua Delegasi Gantian, telah mempengerusikan *Roundtable on the Review of the Implementation of the UN Set of Principles on Competition Policy and UNCTAD's Model Law on Competition*.

Persidangan Semakan Kajian ini merupakan ulang tahun Ke-35 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengadaptasi Set Persaingan oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu sejak tahun 1980. Set mengenai Persaingan UN setakat ini merupakan satu-satunya medium bagi polisi persaingan dan UNCTAD telah diberi mandat untuk membuat semakan semula rasional Set tersebut setiap lima tahun dan perancangan program bagi lima tahun yang akan datang.

Pada dua tahun lepas, Prof Dato' Dr. Sothi Rachagan pernah mempengerusikan *Working Committee Chair of UNCTAD on Financial Services*, iaitu salah satu daripada empat kumpulan jawatankuasa yang ditubuhkan bagi semakan semula *United Nations Guidelines di Consumer Protection (UNGCP)* yang diterima oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 1985. Persidangan IGE and Persidangan Semakan Semula

menerima sebulat suara cadangan Kumpulan Jawatankuasa dan telah dipanjangkan untuk diadaptasi bagi Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang akan datang.

Persidangan Semakan Semula yang Ke-7 ini memberi peluang kepada semua ahli Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk membincangkan dengan secara terbuka cara menangani masalah global yang berpunca daripada monopoli, aktiviti kartel, penyalahgunaan kedudukan dominan, dan pergabungan anti-kompetitif. Ia juga memberi definisi kepada jenis negara dan tindakan antarabangsa yang diperlukan untuk memastikan bahawa amalan-amalan antipersaingan tidak menghalang atau memberi kesedaran kepada faedah yang sepatutnya terhasil daripada kelonggaran perdagangan dan pelaburan di negara membangun seperti Malaysia.

Dengan kerjasama dalam persaingan dan dasar kepenggunaan, UNCTAD menasaskan untuk memastikan bahawa faedah persaingan meningkat, pasaran terbuka dan pasaran yang bersaing serta pelaburan sektor swasta dalam sektor utama dinikmati oleh negara-negara ahli dan dengan itu memastikan peningkatan kebajikan pengguna.

Menurut Ahli Suruhanjaya, Prof Dato' Dr. Sothi Rachagan, kebanyakan syarikat dan rantaian bekalan telah bertaraf antarabangsa, manakala persaingan dan undang-undang perlindungan pengguna serta agensi penguatkuasaan pada umumnya masih diperingkat kebangsaan. Negara-negara yang telah bergelut bagi menangani amalan antipersaingan dan/atau amalan yang melanggar hak-hak pengguna di peringkat antarabangsa, yang mana memerlukan kerjasama serantau dan global supaya persaingan dan peraturan-peraturan perlindungan pengguna dapat diperkasa dan dikuatkuasakan.

Semasa Semakan Semula pada tahun 2010 dan 2015, UNCTAD terus membantu mewujudkan budaya persaingan dalam negara-negara yang membangun. Ia

menyediakan bantuan teknikal bagi persediaan, penerimaan, semakan atau pelaksanaan dasar persaingan di peringkat kebangsaan dan perlindungan pengguna serta perundangan. Ia juga turut menyumbang dalam pembinaan kapasiti institusi kebangsaan bagi menguatkuasakan perundangan persaingan dengan berkesan.

Bagi maklumat lanjut mengenai MyCC dan Akta Persaingan 2010, layari www.mycc.gov.my.

---tamat---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Noor Hasnizan , Tel +603 2273 2277 (ext 111), Email: izan@mycc.gov.my

Anis Syafiqah, Tel +603 2273 2277 (ext 217), Email: anis@mycc.gov.my

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)

Ditubuhkan pada Jun 2011, MyCC ialah satu badan bebas bertanggungjawab untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010, yang dilaksanakan untuk menggalakkan persaingan sihat yang seterusnya akan merangsang produktiviti dan inovasi, lantas mewujudkan pilihan produk atau servis yang lebih banyak kepada pengguna dan kualiti yang lebih baik pada harga yang berpatutan. Akta ini digunapakai kepada semua aktiviti komersil yang ditanggung didalam dan diluar Malaysia yang boleh menjejaskan persaingan di pasaran Malaysia. Ia memberikan satu rangka kerja kawal termasuk kuasa menyiasat, menghakimi dan mengenakan penalti-penalti kepada pesalah undang-undang persaingan.